

Elak sebelum kemalangan

Lampu isyarat bakal memudahkan 4,000 penduduk kampung

BATU PAHAT – Penduduk Kampung Parit Sempadan, Parit Raja, di sini boleh menarik nafas lega kerana persimpangan kampung yang kerap berlaku kemalangan jalan raya bakal dipasang lampu isyarat untuk memudahkan aliran lalu lintas.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, pihaknya sudah melakukan pelbagai kajian bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah Batu Pahat untuk mengatasi masalah kemalangan yang kerap berlaku termasuklah bersama penduduk tempatan.

Menurutnya, buat masa ini, langkah terbaik adalah memasang lampu isyarat di persimpangan terbabit yang menjadi tumpuan 4,000 penduduk kampung berkenaan termasuklah penuntut daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

"Persimpangan jalan ini adalah persimpangan yang paling sibuk di kawasan Parit Raja dan ia akan menjadi semakin sesak apabila waktu hujan serta puncak.

"Selain penduduk kampung, persimpangan ini juga akan memberikan



Ab Aziz (tengah) bersama penduduk kampung dan kakitangan JKR Daerah berbincang berkaitan pemasangan lampu isyarat berkenaan.

kemudahan pelajar sekolah dan penuntut dari UTHM yang tinggal di kawasan berhampiran.

"Buat masa ini, langkah paling selamat adalah dengan meletakkan lampu isyarat dan saya jangkakan ia

akan mula beroperasi sekitar awal Februari ini untuk keselamatan ramai," katanya ketika ditemui *Sinar*

Harian, di sini, semalam.

Ab Aziz yang merupakan Adun Parit Raja berkata, berdasarkan kajian, persimpangan jalan berkenaan yang terletak di Jalan Kluang itu merupakan antara laluan paling banyak dilalui kenderaan setiap hari.

Menurutnya, dalam jangka masa panjang, pembinaan pembahagi jalan akan dilakukan untuk mengelakkan kemalangan terus berlaku akibat pertambahan kenderaan yang menggunakan laluan itu.

"Jalan Kluang ini adalah jalan utama dan ia mempunyai dua lorong bagi setiap arah. Agak bahaya jika tidak ada pembahagi jalan dan sebagai langkah untuk jangka panjang perancangannya sedang dilakukan.

"Mengikut perancangan, persimpangan Kampung Parit Sempadan ini akan diletakkan pembahagi jalan yang mana projek berkenaan akan dilakukan sehingga ke Ayer Hitam.

"Bagaimanapun, sebagai langkah awal, kami meletakkan dahulu lampu isyarat ini untuk memberi keselesaan dan yang paling penting sekali adalah keselamatan penggunaannya," katanya.